



POLISI KOD ETIKA DAN TATAKELAKUAN

1.0 VISI DAN MISI

Dibuka pada tahun 2007, Arus Sawit Sdn. Bhd. melalui anak Syarikat telah terlibat dalam kerja penanaman kelapa sawit, pembinaan dan Pembangunan melebihi 10-20 tahun dengan pengalaman dalam projek Pembangunan agro-perhutanan.

Kami bercita-cita menjadi Syarikat yang berinovasi dan mampan dalam industry. Matlamat kami adalah:

1. Pembangunan perniagaan yang mampan memberi peluang kepada pemegang saham
2. Pembangunan perkhidmatan yang unggul melalui kaedah berinovasi dan amalan terbaik.
3. Simpanan alam sekitar dan sumber alam semula jadi melalui pengurusan yang mampan.
4. Galakan pembelajaran dan pengetahuan sepanjang hayat kepada pihak berkepentingan pelanggan, pembekal dan staff.

2.0 NILAI KAMI

1. Kejujuran
2. Berintegriti
3. Kerja keras
4. Keboleh percayaan
5. Berdedikasi
6. Bertanggungjawab

3.0 POLISI KOD ETIKA DAN KOD TATAKELAKUAN

Adalah menjadi satu penghormatan bagi kami kerana telah dipilih sebagai rakan niaga pilihan anda. Integriti merupakan nilai teras ARUS SAWIT SDN. BHD dan sentiasa diterapkan secara menyeluruh dalam setiap aktiviti perniagaan kami.

Sehubungan itu, kami ingin mengambil kesempatan ini untuk mengingatkan pihak anda mengenai polisi syarikat ARUS SAWIT SDN. BHD berkenaan pemberian atau permintaan manfaat/hadiah yang berkaitan dengan urusan perniagaan. Polisi kami dengan jelas melarang mana-mana kakitangan kami daripada meminta atau menerima sebarang tip, hadiah atau hiburan dalam apa jua bentuk.

ARUS SAWIT SDN. BHD percaya kepada prinsip perniagaan yang adil dan telus. Oleh itu, sebarang bentuk pertukaran hadiah antara pekerja dan pelanggan adalah dianggap tidak perlu dan boleh menjejaskan pembangunan hubungan perniagaan yang mesra dan profesional.

Semua kakitangan kami sedia maklum tentang polisi ini dan sebarang pelanggaran akan dikenakan tindakan disiplin yang sewajarnya. Kami memandang serius terhadap sebarang aduan atau maklum balas daripada pihak pelanggan demi memastikan integriti syarikat dan industri secara keseluruhannya sentiasa terpelihara.

ARUS SAWIT SDN. BHD komited untuk terus memberikan produk yang terbaik melalui kerjasama jangka panjang yang mampan bersama syarikat anda.

Pihak pelanggan juga bersetuju untuk menghormati Kod Tatakelakuan ARUS SAWIT SDN. BHD demi mengekalkan integriti pekerja dan mutu penyampaian produk syarikat kami.

Sekiranya terdapat mana-mana kakitangan ARUS SAWIT SDN. BHD yang dengan sengaja bertindak bertentangan dengan kelakuan yang sepatutnya semasa lawatan tapak atau dalam hal-hal lain, sila laporkan terus kepada kami. Kami akan menjalankan siasatan dan mengambil tindakan serius terhadap perkara tersebut.

Tujuan

Polisi ini bertujuan menetapkan standard kelakuan yang dijangka daripada semua pihak berkepentingan bagi memastikan suasana kerja yang beretika, professional dan patuh kepada undang-undang serta kehendak pensijilan seperti MSPO, ISO 9001:2015, ISO 14001:2015 dan ISO 45001:2018.

Skop

Polisi ini terpakai kepada semua pihak berkepentingan ASSB.

Terdapat dua komponen penting dalam Arus Sawit Sdn Bhd (ASSB): Kod Etika dan Kod Tingkah Laku.

Objektif:

1. Mewujudkan budaya integriti, tanggungjawab dan saling menghormati di semua peringkat organisasi.
2. Memastikan pematuhan terhadap kehendak undang-undang, peraturan, dan polisi.
3. Memberi panduan berkaitan tingkah laku yang boleh diterima dalam persekitaran kerja dan interaksi luar.
4. Memupuk suasana kerja yang selamat, dan produktif.
5. Menggalakkan komunikasi terbuka serta pelaporan salah laku tanpa takut akan tindakan balas daripada mana-mana pihak.

Perbezaan Antara Kod Etika dan Kod Tingkah Laku:

1. Kod Etika:

- a. Satu set prinsip yang mencerminkan nilai teras organisasi dan menetapkan standard kelakuan beretika.
- b. Sering didedahkan kepada umum sebagai bukti komitmen terhadap standard etika.
- c. Berfungsi sebagai falsafah etika yang luas untuk organisasi.

2. Kod Tingkah Laku:

- a. Memberi panduan dalam membuat keputusan dan tingkah laku berdasarkan nilai moral. Ia lebih abstrak dan aspirasi, memberi arah kepada visi dan misi organisasi.
- b. Menetapkan garis panduan untuk tingkah laku dan tindakan harian dalam organisasi.
- c. Lebih terperinci dan berfokus pada pematuhan peraturan.
- d. Ia menterjemahkan prinsip etika tersebut kepada polisi dan prosedur khusus yang mentadbir operasi harian organisasi.

4.0 KOD ETIKA

1. Menjalankan perniagaan dengan kejujuran dan keadilan.
2. Melayan semua individu dan komuniti dengan hormat dan maruah.
3. Berusaha untuk kecemerlangan dalam semua operasi perniagaan.
4. Bertanggungjawab atas tindakan dan keputusan kepada pemegang kepentingan.
5. Pematuhan: Mematuhi semua undang-undang dan peraturan.
6. Elakkan konflik kepentingan dan laporkan jika ada.
7. Kerahsiaan: Lindungi maklumat sensitif dan privasi.
8. Profesionalisme: Kekalkan profesional dalam semua urusan perniagaan.
9. Elakkan urus niaga haram/tidak bermoral (tembakau, judi, maksiat, dll.).
10. Nilai kami: Kejujuran, dedikasi, kerja keras, hormat, sikap positif, adil, terbuka, amanah, fleksibel, bangga, dan memahami.

5.0 KOD TINGKAH LAKU

6 Prinsip Utama selaras dengan nilai untuk Kakitangan ASSB:

1. Kejujuran
Semua pekerja dikehendaki berkomunikasi dengan jujur dan bertindak secara terbuka dalam semua interaksi profesional. Kejujuran memupuk budaya saling percaya, mengurangkan salah faham, dan mengekalkan kredibiliti syarikat di dalam dan luar organisasi.
2. Berintegriti
Kami menegakkan tingkah laku beretika dalam setiap situasi, membuat keputusan berdasarkan prinsip moral walaupun tanpa pengawasan. Integriti memastikan tindakan kita sentiasa selaras dengan nilai syarikat dan mengukuhkan reputasi organisasi.
3. Kerja Keras
Kami menggalakkan sikap berorientasikan hasil di mana usaha, tumpuan dan ketekunan menjadi asas kepada kecemerlangan. Pekerja diharapkan melaksanakan tanggungjawab dengan tekun, menepati janji dan berusaha untuk penambahbaikan berterusan.
4. Dedikasi
Komitmen terhadap misi dan matlamat syarikat ditunjukkan melalui kebolehpercayaan, inisiatif dan rasa bangga terhadap kerja sendiri. Kami menghargai pekerja yang kekal bersemangat dan sanggup berusaha lebih demi kejayaan pasukan dan pertumbuhan jangka panjang.
5. Keboleh Percayaan
Menjadi individu yang boleh diharapkan dan menjaga kerahsiaan adalah aspek penting dalam mengekalkan hubungan profesional. Semua kakitangan mesti bertindak dengan cara yang menimbulkan keyakinan terhadap integriti dan keupayaan mereka untuk melaksanakan tanggungjawab.
6. Bertanggungjawab
Setiap individu bertanggungjawab atas tindakan dan keputusan mereka. Kesilapan harus diakui dengan segera dan diperbetulkan secara telus. Akauntabiliti memupuk budaya pemilikan dan pembelajaran berterusan.

6.0 POLISI PEMBERI MAKLUMAT

Polisi ini bertujuan untuk menggalakkan kaki tangan Arus Sawit dan pihak berkepentingan yang lain untuk melaporkan sebarang kejadian yang menimbulkan kebimbangan dalam Syarikat untuk disiasat dan ditangani secara dalaman.

Pemberi maklumat boleh melaporkan aduan jika terdapat sebarang salah laku seperti berikut:

- a. Penipuan
- b. Penyelewengan aset
- c. Gangguan Seksual
- d. Pecah amanah
- e. Jenayah
- f. Rasuah
- g. Penyalahgunaan maklumat sulit
- h. Pemberian maklumat palsu
- i. Mana-mana perkara di atas dan salah laku lain

Prinsip-prinsip yang perlu dipatuhi sebagai pemberi maklumat termasuklah:

1. Melaporkan salah laku dengan kadar segera dengan mengisi borang aduan yang disediakan oleh ASSB
2. Maklumat individu yang melaporkan salah laku di Syarikat akan dilindungi dan dirahsiakan.
3. Pemberi maklumat yang membuat laporan dengan tujuan yang tidak baik adalah tertakluk kepada tindakan disiplin, termasuk penamatan perkhidmatan, atau undang-undang lain yang bertujuan untuk melindungi reputasi organisasi dan individu yang terlibat
4. Sesiapa yang mengambil tindak balas terhadap pemberi maklumat akan tertakluk kepada tindakan disiplin, termasuk penamatan perkhidmatan
5. Laporan atau aduan yang di terima perlu mengambil tindakan segera untuk menyiasat dan/atau menyelesaikan isu mengikut prosedur yang telah ditetapkan.
6. Jika siasatan laporan yang telah dilakukan dengan niat yang baik disiasat oleh kakitangan dalaman, tidak memuaskan hati pemberi maklumat, maka dia mempunyai hak untuk melaporkan kejadian itu kepada agensi undang-undang atau penyiasatan yang berkaitan.

PEMBERI MAKLUMAT

Whistle blowing

Adakah anda mempunyai
sebarang aduan
mengenai salah laku di
tempat kerja?

Hantar aduan anda kepada
pihak pengurusan dengan
segera melalui borang aduan
yang telah disediakan. borang
aduan boleh didapati di pautan
atau QR.



ARUS SAWIT SDN BHD



LAYARI PAUTAN ATAU IMBAS QR

<https://qr.meqr.com/fz7BpufX>



Gambar 1: Poster Pemberi Maklumat.

LAPORAN ADUAN/MAKLUMBALAS/CADANGAN PENGADU

Kami akan terus memantau kualiti perkhidmatan dan prestasi kerja kami dan sentiasa mencari cara baru untuk meningkatkan kualiti kami. Proses ini melibatkan penaksiran dan mendefinisikan semula idea untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada pelanggan, kakitangan, dan pekerja dalam Arus Sawit

Sila nyatakan aduan/maklumbalas anda dan kami akan menjawab dalam masa 72 jam dari tarikh aduan anda sebagai sebahagian daripada objektif kualiti kami.

Gambar 2: Borang Laporan Aduan/Maklumbalas/Cadangan Pengadu

Seperti yang ditunjukkan dalam Gambar 1, aduan boleh dibuat dengan mudah melalui Google Form (rujuk Gambar 2) dengan cara menaip pautan <https://qr.me-qr.com/fz7BpufX> atau mengimbas QR pada poster. Pihak pengurusan ASSB akan menjawab aduan dalam tempoh 72 jam daripada tarikh aduan dihantar. ASSB akan mengambil tindakan seperti berikut:

1. Berkomunikasi dengan pemberi maklumat.
2. Mengekalkan kerahsiaan identiti pemberi maklumat.
3. Melindungi pemberi maklumat.
4. Menyelesaikan siasatan.
5. Mengambil tindakan.

Tindakan yang diambil meliputi:

1. Peraturan
2. Undang-undang
3. Tingkah laku

Tujuan langkah-langkah ini diambil adalah untuk memupuk tingkah laku yang diharapkan daripada pekerja kami dan bagaimana ia berkait dengan nilai teras kami;

- a. Syarat-syarat Pekerjaan
- b. Faedah Pekerja
- c. Orang & Keselamatan
- d. Mencegah Amalan Rasuah
- e. Melindungi Maklumat & Aset
- f. Komunikasi
- g. Kecekapan
- h. Penambahbaikan Berterusan
- i. Tindakan Tatatertib

Polisi ini terpakai untuk semua dasar yang wujud dalam syarikat dan menjadi saluran penting dalam menegakkan integriti serta bertanggungjawab. Mana-mana individu yang menyedari sebarang pelanggaran samada berkaitan salah laku, ketidakpatuhan terhadap polisi-polisi, atau tingkah laku tidak beretika adalah digalakkan untuk membuat laporan dengan kadar segera.

Pihak pengurusan perlu menerima laporan berkenaan perkara yang sedang disiasat. Cadangan berkaitan perubahan kepada dasar dan prosedur organisasi berdasarkan pengajaran yang diperolehi daripada perkara yang dilaporkan juga perlu dilaksanakan dan dikaitkan dengan perkara tersebut, supaya para pekerja melihat bahawa sebarang laporan yang mereka buat akan diambil serius.

Maklum balas secara individu juga perlu diberikan kepada pemberi maklumat berkenaan tindakan yang telah diambil.

7.0 POLISI PERLINDUNGAN KANAK-KANAK

Arus sawit Sdn Bhd tidak akan bertolak ansur dengan penggunaan atau pemaksaan kanak-kanak sebagai buruh serta sebarang bentuk eksploitasi kanak-kanak di dalam Ladang Arus Sawit. Selain itu, Arus Sawit Sdn. Bhd. Juga berkomitmen untuk menjaga hak melindungi kanak-kanak di bawah usia 18 tahun.

Semua pegawai Arus Sawit Sdn Bhd di dalam pengurusan operasi akan memastikan kepatuhan kepada polisi ini.

Kami berkomited untuk :-

1. Tidak menggaji kanak-kanak di bawah usia 18 tahun.
2. Mengambil tindakan yang diperlukan untuk melindungi kanak-kanak dari semua bentuk eksploitasi atau penyekeasan sekiranya ada dilaporkan.
3. Melindungi kepentingan atau kesejahteraan kanak-kanak yang tinggal Bersama ibubapa yang bekerja di dalam Ladang Arus Sawit.
4. Berusaha untuk menyediakan sebaik mungkin peluang-peluang Pendidikan kepada semua kanak-kanak yang tinggal di dalam ladang Arus Sawit.
5. Memastikan hanya individu yang berkualiti dan layak akan ditugaskan dalam menguruskan anak-anak di dalam Ladang Arus Sawit.

8.0 POLISI GANGGUAN SEKSUAL DAN KEGANASAN DOMESTIK

Arus Sawit Sdn. Bhd. (ASSB) merupakan sebuah syarikat yang mempunyai komitmen tinggi dalam menyediakan situasi dan keadaan kerja yang bebas dari segala gangguan seksual dan juga keganasan domestik selaras dengan kehendak piawaian Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO).

Polisi ini diwujudkan bertujuan untuk memberi pemahaman mengenai perlakuan gangguan seksual dan keganasan domestik sebelum tindakan diambil bagi mewujudkan suasana kerja yang harmoni dan kondusif dalam sesebuah syarikat dengan mengambil kira:

- a. Memberi pemahaman dan kesedaran kepada majikan, kakitangan dan pekerja terhadap perlakuan gangguan seksual dan keganasan domestik.
- b. Memastikan keselamatan pekerja dari segi mental dan fizikal terpelihara sepenuhnya.
- c. Mencegah dan menghentikan perlakuan yang boleh menjejaskan reputasi dan imej syarikat.

ASSB juga memandang serius terhadap perkara tersebut dan akan mengambil segala langkah yang diperlukan bagi menghalang sebarang gangguan seksual dan keganasan di tempat kerja seperti berikut:

- a. Majikan akan berusaha menjalankan siasatan menyeluruh sebelum sesuatu tindakan diambil serta kesemua siasatan berkaitan dengan gangguan seksual dilaksanakan dengan penuh kerahsiaan bagi memberi jaminan dan keyakinan kepada pekerja / mangsa.
- b. Majikan tidak akan bertoleransi dengan perilaku sedemikian dan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan disiplin terhadap mana-mana kakitangan atau pekerja yang terbabit tanpa mengira status atau jawatan.
- c. Tindakan juga akan diambil ke atas pengadu/mangsa sekiranya didapati membuat aduan palsu dan tidak berasas

9.0 POLISI HAK ASASI MANUSIA

Arus Sawit Sdn. Bhd. berkomited dalam menjaga, melindungi dan menyokong hak-hak asasi manusia demi kebajikan pekerja yang berkhidmat di syarikat ini. Hak-hak asasi manusia sangat berkait rapat dengan maruah manusia yang mana manusia mempunyai kebebasan dan hak yang sama rata tanpa mengira agama, bangsa, warna kulit, status, bahasa, keturunan dan lain-lain, Polisi ini menyediakan prinsip-prinsip yang perlu dipatuhi untuk pegawai, penyelia, pekerja dan mana-mana pihak yang terkesan dengan aktiviti ASSB seperti berikut:

1. Saling hormat-menghormati antara satu sama lain demi menjaga kesejahteraan bersama. Sebarang bentuk diskriminasi, penderaan, penyalahgunaan dan ugutan atas sebab hal peribadi seperti agama, bangsa, bahasa, keturunan, umur, status, pangkat, ketidakupayaan dan kriteria yang lain adalah dilarang di ASSB.

2. Tidak mengambil pekerja di bawah umur 18 tahun.
3. Tidak memaksa pekerja bertugas sekiranya individu tersebut tidak menawarkan diri secara sukarela.
4. Setiap pegawai mahupun penyelia hendaklah menerangkan undang-undang gaji termasuk gaji minimum, kerja lebih masa dan potongan gaji kepada pekerja.
5. Sekiranya terdapat aduan yang memberi kesan kepada hak-hak asasi manusia, perbincangan akan dibuat secara jujur dan telus. Jika terdapat bukti-bukti yang menunjukkan individu mengganggu hak tersebut, pihak ASSB berusaha menyelesaikan perkara tersebut dan mengambil tindakan tegas kepada pelaku.
6. Arus Sawit menyediakan tempat kerja yang selamat dan produktif untuk pekerja dan pihak berkepentingan dengan mengurangkan risiko kesihatan, meningkatkan keselamatan dan persekitaran yang selesa.

10.0 POLISI ANTI RASUAH

Arus Sawit Sdn Bhd amat mencegah amalan rasuah dalam kalangan Pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung seperti pegawai, penyelia, pekerja, kontraktor, pembeli serta Pihak berkepentingan. Polisi ini diwujudkan sebagai usaha memerangi rasuah dikalangan semua Pihak menjalankan kerja secara telus, amanah, Jujur dan adil bagi melancarkan urusan dan operasi di syarikat ini. Sebagai tambahan, ia juga bertujuan untuk menghentikan kegiatan penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan. Polisi ini selaras dengan MSPO (MS 2530-3-2:2022) Principal 2, Akta 694 dan Akta syarikat 2016 serta Pindaan 2018. Suapan boleh diterima atau diberi dalam bentuk:

- a. Wang
- b. Cagaran
- c. Fi
- d. Pertimbangan
- e. Perkhidmatan
- f. Jawatan
- g. Diskaun
- h. Harta benda
- i. Hadiah
- j. Perlindungan daripada penalti
- k. Perjanjian

Bagi merealisasikan komitmen tersebut, ASSB akan mematuhi prinsip-prinsip pencegahan seperti berikut:

1. Semua bentuk rasuah tidak dibenarkan beroperasi di dalam syarikat ini.
2. Sekiranya individu ditawarkan rasuah hendaklah menolak tawaran tersebut dan melaporkan segera kepada pihak atasan atau pihak berkuasa.
3. Sekiranya individu mengetahui kegiatan rasuah aktif di dalam ASSB hendaklah melaporkan hal tersebut dengan segera kepada pihak atasan atau pihak berkuasa.
4. ASSB sentiasa memantau dan membaiki pulih sistem yang lemah demi mencegah kegiatan rasuah dalam kalangan pihak yang terlibat dengan operasi mahupun urusan samada secara langsung atau tidak langsung di syarikat ini.
5. Pemalsuan dokumen demi menipu dan memperdaya mana-mana pihak untuk kepentingan syarikat mahupun peribadi adalah dilarang dalam syarikat ini

6. ASSB akan menjaga dan melindungi maklumat peribadi individu yang memberi maklumat "whistle-blower" sekiranya individu tersebut membuat laporan mengenai kegiatan rasuah.
7. Kegiatan pengubahan wang haram "Money Laundering" demi membersihkan wang untuk menjadikan wang tersebut sah di Sisi undang-undang juga tidak dibenarkan dalam ASSB.
8. Tindakan tegas akan diambil sekiranya individu tersebut terlibat dalam aktiviti rasuah samada dilakukan secara langsung atau tidak langsung.

11.0 POLISI MENGHENTIKAN KERJA

ARUS SAWIT SDN. BHD. komited dalam mengutamakan kecemerlangan terhadap Keselamatan Pekerjaan, Kesihatan dan Alam Sekitar dalam semua aktiviti yang dijalankan di dalam Ladang Arus Sawit.

ARUS SAWIT SDN BHD akan sentiasa berusaha untuk melaksanakan setiap langkah yang sewajarnya untuk meminimumkan atau membasmi bahaya kesihatan pekerjaan, risiko kecederaan dan kerosakan harta benda atau persekitaran.

Adalah menjadi polisi ARUS SAWIT SDN BHD bahawa semua kakitangan, pekerja, kontraktor dan pembekal harus BERHENTI KERJA apabila berlaku keadaan/situasi yang akan:

1. Membahayakan secara fizikal kepada diri sendiri dan / atau orang lain atau
2. Menyebabkan kesan buruk terhadap harta benda dan persekitaran atau
3. Melibatkan perubahan cuaca melampau atau bencana alam

Polisi ini mendapat sokongan penuh dari Pihak Pengurusan ARUS SAWIT SDN BHD. Apabila terdapat keraguan mengenai adakah pekerjaan harus diteruskan, kakitangan Arus Sawit serta pihak kontraktor atau pembekal harus segera memberitahu Pengurus Ladang untuk menilai keadaan berbahaya.

Kami memerlukan kakitangan, pekerja, kontraktor dan pembekal untuk menyokong polisi ini pada setiap masa.

12.0 POLISI KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

Arus sawit Sdn Bhd memberi komitmen terhadap undang-undang keselamatan dan kesihatan pekerjaan dan akan berusaha mewujudkan persekitaran pekerjaan yang selamat dan sihat kepada semua pekerja, kontraktor, pelanggan dan pelawat di semua aspek operasi.

Arus Sawit Sdn Bhd dengan ini akan mengekalkan dan melaksanakan dasar-dasar berikut:

- a. Komitmen untuk mematuhi perundangan keselamatan dan kesihatan yang sedia ada serta akan mewujudkan persekitaran kerja yang selamat dan sihat kepada semua pekerja.
- b. Melaksanakan serta mengekalkan sistem keselamatan dan kesihatan bagi mematuhi kriteria persijilan MSPO dan ISO 45001 :2018.
- c. Mengemaskini Polisi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan sekiranya mempunyai keperluan untuk memastikan ianya sentiasa bersesuaian dengan perniagaan syarikat.
- d. Melaksanakan peraturan keselamatan di tempat kerja dan kaedah-kaedah kerja selamat bagi tujuan mencegah kemalangan kerja, bahaya keselamatan dan kerosakan atau kehilangan harta benda kepada pekerja, kontraktor dan pelawat.
- e. Menyediakan latihan, maklumat dan arahan keselamatan dan kesihatan yang jelas dan mencukupi terhadap semua pekerja dan kontraktor.

- f. Melaksanakan dan memastikan perkara-perkara yang berkaitan keselamatan dan kesihatan diberikan keutamaan dengan penambahbaikan secara berterusan.
- g. Memastikan pengurusan jawatankuasa keselamatan dan kesihatan dilaksanakan secara efektif dengan penambahbaikan yang berterusan.
- h. Memberi komitmen untuk menghapuskan bahaya dan mengurangkan risiko keselamatan & kesihatan pekerjaan dengan penyediaan maklumat keselamatan dan kesihatan di tempat kerja yang ditambah baik dari masa ke semasa bagi memastikan semua pekerja dan kontraktor menjalankan tugas dengan selamat dan sihat.

13.0 POLISI KEMAMPAHAN KELAPA SAWIT MALAYSIA

Arus Sawit Sdn. Bhd. (ASSB) akan berusaha dan komited untuk mengamalkan standard kemampanan kelapa sawit Malaysia (MSPO) untuk pengeluaran produk kelapa sawit yang berkualiti di Malaysia. Sebagai salah satu sokongan dan usaha kepada perkara ini, Arus Sawit mengambil inisiatif untuk mengambil pensijilan Kemampanan Kelapa Sawit Malaysia (MSPO).

Bagi merealisasikan komitmen tersebut, Arus Sawit akan mematuhi prinsip-prinsip utama MSPO seperti yang berikut:

- 1) Komitmen Pengurusan dan Tanggungjawab
 - Memastikan polisi Kemampanan Kelapa Sawit Malaysia (MSPO) tersedia dan dilaksanakan
 - Menjalankan audit dalaman secara berkala dan menyemak atau mengkaji semula pengurusan untuk memastikan kecukupan dan keberkesanan pelaksanaan MSPO.
 - Menyediakan dan melaksanakan pelan penambahbaikan berterusan.
- 2) Ketelusan
 - Mempamerkan secara umum maklumat dan dokumentasi-dokumentasi yang berkaitan, prosedur-prosedur untuk perundingan dan komunikasi dengan pihak-pihak berkepentingan yang ditubuhkan.
 - Melaksanakan prosedur bagi kebolehesanan produk.
- 3) Pematuhan kepada Keperluan Undang-undang di Malaysia
 - Mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkaitan seperti yang ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia dan menghormati penggunaan tanah dan Hak Tanah Adat.
 - Memiliki pemilikan tanah yang sah di sisi undang-undang serta menyediakan dan melaksanakan kebenaran berasaskan informasi yang Cukup, Bebas dan Awai (FPIC).
- 4) Tanggungjawab Sosial, Kesihatan, Keselamatan dan Keadaan Pekerjaan
 - Menjalankan Penilaian Impak Sosial (SIA) serta menyediakan dan menjalankan mekanisme aduan dan ketidakpuasan.
 - Berkomitmen untuk menyumbang kepada pembangunan mampan setempat.
 - Menyediakan dan melaksanakan polisi keselamatan dan kesihatan pekerja serta latihan yang sewajarnya dan mewujudkan syarat-syarat pekerjaan yang baik.
- 5) Alam Sekitar, Sumber Asli, Biodiversiti dan Perkhidmatan Ekosistem
 - Menyediakan dan melaksanakan pelan pengurusan alam sekitar (EMP).

- Mempunyai pelan pengurusan air serta mengekalkan kualiti sumber air.
- Memastikan kecekapan penggunaan tenaga dan penggunaan tenaga boleh diperbaharui.
- Mengenalpasti bahan-bahan buangan dan punca-punca pencemaran serta pengurangan pencemaran pelepasan termasuk gas rumah hijau.
- Mengenalpasti kawasan-kawasan yang mempunyai nilai biodiversiti yang tinggi dan ekosistem atau spesis yang jarang ditemui, terancam atau hampir pupus.
- Memastikan amalan-amalan pembakaran sifar bagi pelupusan sisa dan penyediaan tan ah.

6) Amalan yang terbaik

- Melaksanakan amalan yang terbaik dan mewujudkan pelan daya maju ekonomi serta kewangan.
- Melaksanakan pengurusan harga yang telus dan adil serta memastikan kontraktor-kontraktor memahami dan mematuhi peraturan syarikat dan syarat-syarat MSPO.

7) Pembangunan Penanaman Semula

- Memastikan tiada penanaman di atas tanah yang mempunyai nilai biodiversiti yang tinggi dan tiada penukaran Kawasan Alam Sekitar sensitif (ESAs).
- Semua penanaman baru dan penanaman semula di atas tanah gambut boleh dibangunkan mengikut peraturan MPOB dan amalan terbaik industri.
- Menjalankan Penilaian Impak Sosial dan Alam Sekitar (SEIA) yang komprehensif sebelum penanaman baru serta mempunyai maklumat yang mencukupi berkenaan jenis tanah dan topografi.
- Mengelakkan penanaman yang meluas di kawasan-kawasan curam dan tanah rapuh serta mengiktiraf hak-hak tanah adat dan pemiliknya mempunyai Kebenaran berasaskan Informasi yang Cukup, Bebas dan Awai (FPIC).

ASSB juga berkomited untuk amalan penambahbaikan berterusan dengan memanfaatkan sumber manusia, proses dan teknologi untuk memastikan pengeluaran berterusan yang mampan bagi produk-produk kelapa sawit.

14.0 POLISI ALAM SEKITAR DAN BIODIVERSITI

Arus Sawit Sdn Bhd mengiktiraf nilai dan kepentingan terhadap penjagaan alam sekitar dan berkomited untuk memastikan semua operasi ladang yang dijalankan akan diurus dengan bertanggungjawab bagi memelihara alam sekitar demi mencapai matlamat pembangunan lestari. ASSB percaya bahawa keseimbangan yang sihat di antara pemuliharaan alam sekitar dengan pengurusan perladangan kelapa sawit perlu dikekalkan bagi memastikan kesinambungan sumber dan keperluan daripada alam sekitar dan biodiversiti dapat dinikmati oleh semua lapisan masyarakat serta generasi akan datang.

Bagi merealisasikan komitmen tersebut, Arus Sawit akan memastikan alam sekitar dan kepelbagaian biodiversiti terpelihara dengan:

1. Mematuhi tanggungjawab perundangan sedia ada alam sekitar dan undang-undang; dan lain-lain syarat berkenaan yang dipersetujui oleh syarikat;
2. Melaksanakan dan memelihara sistem pengurusan alam sekitar dengan pematuhan ISO 14001, piawaian Prinsip & Kriteria MSPO dan Standar Operasi Piawai (SOP) dan Amalan Terbaik;

3. Mengurangkan impak atau kesan negatif alam sekitar dengan menjalankan penilaian Pemeliharaan Kawasan Bernilai Tinggi, perancangan dan prosedur pengurusan alam sekitar secara bersepadu;
4. Mencegah pencemaran, mengurangkan pembaziran dan penggunaan sumber (bahan api dan tenaga), serta komited kepada pemulihan kitar semula dan pelupusan bahan-bahan sisa dengan cara yang sesuai dan memberi penambahbaikan berterusan untuk prestasi alam sekitar.
5. Mempraktikkan pembakaran sifar di semua aktiviti pembangunan peladangan;
6. Melaksanakan amalan pertanian yang baik, efektif dan praktikal dalam semua operasi bagi mengelakkan kemudaratan kepada alam sekitar dan biodiversiti;
7. Memberi latihan, maklumat, arahan dan galakkan berkaitan dengan penambahbaikan secara berterusan untuk penjagaan alam sekitar, melindungi biodiversiti serta menyeimbangkan ekosistem.
8. Memberi komitmen memulihara dan memelihara sumber alam semula jadi serta kepelbagaian flora dan fauna di dalam kawasan pengurusan ASSB melalui komunikasi, latihan, kempen dan pendidikan dalam menggalakkan semua kaki tangan, orang berkepentingan, pekerja dan kontraktor sentiasa prihatin terhadap penjagaan alam sekitar.

15.0 POLISI AMALAN SOSIAL YANG BAIK

Pekerja kami adalah aset yang paling berharga. Keutamaan Arus Sawit Sdn Bhd (ASSB) sebagai sebuah syarikat perladangan adalah untuk menyediakan mereka dengan persekitaran yang sihat, selamat dan sesuai, menggalakkan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan amalan sosial yang baik dan mempertahankan hak-hak asasi mengikut kehendak piawaian Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO).

Bagi merealisasikan komitmen tersebut, Arus Sawit akan mengikut garis panduan seperti yang berikut:


1. Memastikan anggota pekerja dilatih dengan berkesan dan sistematik untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran, peralatan perlindungan keselamatan disediakan dan semua jentera dan peralatan dikekalkan dalam keadaan yang selamat untuk memperoleh tenaga kerja yang cemerlang.
2. Melaksanakan perjanjian kerja yang adil tanpa sebarang diskriminasi dan melarang segala jenis keganasan, diskriminasi dan gangguan yang berkaitan dengan bangsa, agama, negara asal, hilang upaya, kehamilan, warna kulit, umur dan jantina.
3. Tidak menggaji pekerja secara paksaan dan memperdagangkan manusia.
4. Mematuhi pembayaran gaji mengikut Perintah Gaji Minimum dan mematuhi perundangan dan garis panduan yang ditetapkan.
5. Tidak menafikan hak individu dan memberi kebebasan kepada pekerja untuk bersuara, menganggotai kesatuan pekerja dan peluang setara.
6. Menghormati hak-hak untuk hidup bebas, bebas mengamalkan agama dan amalan kepercayaan.
7. Menjawab sebarang kritikan, aduan dan pertanyaan secara telus, positif dan bertepatan dengan masa.
8. Menjaga perhubungan sosial terhadap pihak berkepentingan.

16.0 POLISI KUALITI

Arus Sawit Sdn Bhd Bertekad untuk melaksanakan tadbir urus yang efisien, dinamik dan sejahtera bagi memenuhi kehendak dan keperluan pelanggan melalui pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti berdasarkan keperluan undang-undang serta penambahbaikan secara berterusan.

Arus Sawit Sdn Bhd akan menyediakan dasar-dasar berikut :

1. Melaksanakan Sistem Pengurusan Berkualiti dengan mengiktiraf undang-undang yang sedia ada.
2. Melaksanakan dan memelihara sistem pengurusan berkualiti dengan pematuhan ISO 9001 :2015.
3. Memerhati system kawalan mutu.
4. Mengutamakan kepuasan pelanggan.
5. Melaksanakan dan mengekalkan system pengurusan bersepadu yang mendokumentasikan semua urusan.
6. Memantau daya saing pembekal-pembekal yang diluluskan dan kontraktor-kontraktor yang disenaraikan.



DR. LAWRENCE CHU
Pengarah, Arus Sawit Sdn. Bhd.
06.07.2025